



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

JUN 2026



IBADAH ZAKAT, WAKAF DAN SEDEKAH TERAS

PEMBANGUNAN UMMAH

19 JUN 2026M | 3 MUHARAM 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ
الْأَرْضِ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ
وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٢٧﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، نَبِيِّ الْأُمَّةِ وَكَاشِفِ الْعُمَّةِ وَعَلَى ءَالِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah ﷻ dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita mendapat kehidupan yang sejahtera di dunia dan kebahagiaan di akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷺ

Segala puji bagi Allah ﷻ yang mengizinkan kita berada dalam tahun baru Hijrah 1448 dan bulan Muharram yang penuh mulia ini. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang melalui Pusat Kutipan Zakat dan Wakaf Pahang melancarkan bulan Zakat dan Wakaf Pahang. Ketahuilah Islam menggalakkan umatnya untuk memiliki harta, dan ia adalah amanah daripada Allah ﷻ. Pengurusan kekayaan yang betul adalah penting dalam mengagih dan membelanjakannya untuk kebajikan sosial bagi mereka yang memerlukan. Ia juga merupakan sumber kebaikan di akhirat. Firman Allah ﷻ dalam Surah An-Nur ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

Yang bermaksud : *“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat dan taatlah kamu kepada Rasulullah, supaya kamu beroleh rahmat.”*

Bagi memastikan kekayaan umat Islam disalurkan kepada mereka yang memerlukan dan mengekalkan kelestarian ekonomi, Allah ﷻ telah menetapkan zakat, wakaf, dan sedekah untuk kepentingan umat Islam di sesebuah negara.



Sidang Jemaah Muslimin yang dikasihi,

Zakat adalah rukun Islam yang ketiga, wajib bagi umat Islam yang berkemampuan dari segi kewangan. Zakat adalah penting untuk membersihkan harta dan meningkatkan rohani mereka yang melaksanakannya. Matlamat utamanya adalah untuk membantu golongan yang memerlukan. Ia membantu membangunkan ekonomi yang seimbang dengan mengagihkan semula kekayaan dalam masyarakat.

Firman Allah ﷻ di dalam surah at-Taubah ayat 60 yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, dan orang miskin, dan amil yang mengurusnya, dan orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang putus bekalan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnye) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Pusat Kutipan Zakat Pahang merupakan agensi tunggal kutipan zakat di Pahang untuk memastikan tahap kutipan dan kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat Islam di Pahang. Pada tahun 2025



kutipan zakat terus melonjak naik kepada RM 243.19 juta dengan melebihi 108,000 orang pembayar. Sementara agihan zakat pula diuruskan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang yang menjalankan pelbagai program untuk meningkatkan taraf hidup golongan yang memerlukan. Bantuan zakat sebanyak RM 273.02 juta disalurkan kepada 130, 817 orang penerima sepanjang tahun 2025 melalui 25 skim bantuan MUIP meliputi keperluan asas, pendidikan, perumahan, perniagaan dan dakwah.

Oleh itu, bersegeralah menunaikan kewajipan zakat, kerana setiap rezeki yang diterima bukan milik kita semata-mata; ada hak untuk pasangan kita, anak-anak, saudara mara, jiran yang memerlukan, dan orang miskin yang mengharapkan kebaikan kita.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Islam juga menggalakkan berwakaf. Ia disyariatkan sebagai cara mendekatkan diri kepada Allah ﷻ dengan menginfakkan harta di jalan-Nya. Wakaf memberhentikan pemilikan harta seseorang individu menjadi hak Allah ﷻ, seterusnya harta tersebut boleh dimanfaatkan bagi kegunaan umum, sama ada untuk tujuan keagamaan atau keperluan amal dan masyarakat umum, dengan faedah yang berpanjangan selaras dengan syarak. Ganjaran bagi



mereka yang berwakaf sangat besar bahkan berterusan melangkaui hayat mereka. Firman Allah ﷻ dalam surah Ali Imran ayat 92 yang bermaksud:

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

Wakaf Pahang MUIP adalah pemegang amanah tunggal, menguruskan dana wakaf sama ada di dalam bentuk tunai atau aset serta melaksanakan pembangunan tanah wakaf secara berkesan bagi hasil pulangan yang dapat memberikan impak yang besar terhadap kemajuan ekonomi umat Islam.

Demikian juga, selain berzakat dan berwakaf, sedekah adalah pemberian harta secara sukarela yang boleh dilakukan dan ia membawa pahala yang dilipat gandakan dan menambah keberkatan rezeki.



Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Kesimpulan khutbah hari ini, kita mendapat pengajaran penting iaitu:

Pertama: Harta itu adalah amanah daripada Allah ﷻ yang berkait dengan hak orang lain serta mesti ditunaikan dan akan dipersoalkan pada hari kiamat;

Kedua: Islam mewajibkan zakat. Manakala wakaf dan sedekah adalah amalan yang amat dituntut untuk membantu mereka yang memerlukan;

Ketiga: Penglibatan kolektif dan strategik kesemua ibadah ini akan menyumbang kepada impak yang besar dalam pembangunan ummah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ

فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٦٦﴾



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ